

LEE KOK CHAI & HJ WAN ROZALI HJ WAN HUSSIN*“Kualiti Hidup Sosial dan Isu-Isu Perumahan. Kajian Kes di Pulau Pinang”***ABSTRAK**

Kajian ini pada asasnya memberi tumpuan kepada kepentingan kualiti hidup sosial dan perhubungannya dengan isu-isu perumahan akibat daripada proses limpahan kawasan kediaman ke kawasan pinggir bandar yang sebahagiannya berpunca daripada faktor-faktor pengkhususan fungsi zon dan pertumbuhan penduduk. Fenomena limpahan pembangunan perumahan dari pusat bandar ke kawasan pinggir bandar turut mempunyai hubungan yang rapat dengan pembangunan rangkaian pengangkutan jalan raya di negeri Pulau Pinang. Proses limpahan pembangunan ke kawasan pinggir bandar merupakan satu fenomena perubahan yang melibatkan tempoh masa tertentu sehingga sesebuah kawasan dapat mewujudkan proses difusi ruangan yang baru. Bermula dari sebuah kawasan kediaman yang padat khususnya di pusat bandar, ia kemudiannya merebak ke kawasan lain mengikut saluran mobiliti dan pergerakan yang melibatkan rangkaian jalan raya, melalui pelbagai nod dan menjalar sehingga ke seluruh hierarki zon kawasan perumahan pinggir bandar. Kawasan pinggir bandar yang sebelumnya tertinggal dalam konteks pembangunan kemudiannya berubah rupa fizikalnya dengan kadar yang amat pesat dan terdesak. Transformasi kawasan pinggir bandar kemudiannya menjadi moden dan ini merupakan suatu fenomena yang sekian lama wujud di negara ini, termasuk di negeri Pulau Pinang. Perkembangan ini melibatkan tiga faktor utama iaitu faktor kepadatan penduduk, faktor jangka masa peringkat perkembangan perumahan dan faktor fungsi zon kawasan perumahan. Diharapkan suatu perancangan penyelarasan yang menyeluruh dapat dibentuk sebagai tindakan proaktif dalam mengawal selia, memantau dan merancang dengan sebaik yang mungkin bagi mempertingkatkan kualiti hidup sosial di kawasan perumahan pinggir bandar.

FATIMAH HASSAN & FAUZIAH CHE LEH*“Pembangunan Pelancongan Lestari di Felda Gugusan Trolak: Satu Analisis”***ABSTRAK**

Pengertian pembangunan lestari atau mampan yang telah diterimapakai memuatkan tema sejagat yang merangkumi aspek persekitaran (*environment*), masa depan (*futuristic*) dan kesaksamaan (*equity*). Penekanan pembangunan lestari adalah kepada penggunaan sumber yang ada dengan bijak khususnya dalam konteks perancangan, komitmen dan penglibatan pihak pengurusan serta pihak lain yang berkaitan atau berkepentingan. Konsep kelestarian ini mengingatkan bahawa pelbagai elemen untuk pembangunan sama ada bandar, ekonomi, budaya dan sebagainya yang menjamin kesejahteraan semasa harus berterusan tanpa mengabaikan kesejahteraan generasi masa depan walaupun tuntutan dan kerenaah pembangunan menjadi semakin dinamik dan luwes. Justeru itu, pembangunan pelancongan lestari yang merupakan sub-tema dalam pembangunan lestari sehingga kini masih lagi menarik perbincangan yang berterusan. Dengan berfokuskan kepada kawasan Felda Gugusan Trolak yang memiliki beberapa produk pelancongan sedia ada seperti Taman Rekreasi Air Panas Sungai Klah dan yang bakal diperkenalkan seperti Dusun Trolak, kertas kerja ini akan mengupas elemen-elemen pelancongan lestari yang bakal direalisasi dalam kawasan kajian. Antara elemen ini termasuklah keupayaan membantu meningkatkan integriti tempat berdasarkan kelebihan tempat, menjana ekonomi setempat dan memulihara alam sekitar dan kesejahteraan komuniti setempat. Kertas kerja ini turut mencadangkan beberapa langkah bagi merealisasikan pembangunan pelancongan perladangan lestari dalam usaha mempelbagaikan lagi konsep pelancongan negara serta membantu meningkatkan taraf hidup peneroka FELDA, keluarga dan generasi peneroka pada masa depan.

MOHAMAD ZAKI AHMAD & JOHAN AFENDI IBRAHIM

“Kelestarian Pelancongan Melalui Pengurusan Sumberjaya Semulajadi (Alam Sekitar) : Satu Perspektif Umum”

ABSTRAK

Memandangkan pelancongan adalah merupakan satu industri yang terbesar di dunia pada masa sekarang, alam sekitar atau sumberjaya semulajadi sering menjadi isu dan agenda penting dalam pembangunan pelancongan. Banyak ciri alam sekitar yang menjadi tarikan kepada pelancong, justeru, menjadikan hubungan antara alam sekitar dan pelancongan adalah begitu rapat. Oleh itu, adalah amat penting untuk memahami hubungan ini sepenuhnya dalam usaha merancang, membangun dan seterusnya menguruskan sumberjaya ini dengan sewajarnya. Sumberjaya semulajadi tidak hanya merangkumi ciri-ciri tanah, udara, air, flora dan fauna; tetapi ianya turut merangkumi aspek sejarah, kebudayaan dan warisan manusia. Pelancongan bukan sahaja mempunyai kuasa meningkat atau membangunkan ekonomi, malahan pelancongan juga merupakan faktor yang sering diberikan perhatian dalam pembangunan fizikal alam sekitar. Alam sekitar merupakan teras bagi produk pelancongan oleh kerana keuntungan dalam pelancongan adalah bergantung kepada usaha dan aspek pengekalannya daya tarikan sesuatu destinasi yang pelancong atau pelawat ingin saksikan dan alaminya sendiri. Dalam konteks alam sekitar, pelancongan bukan sahaja dapat menjana impak positif malahan impak negatif juga akan berlaku bergantung kepada bagaimana baiknya sesuatu pembangunan itu dirancang, dipantau dan dikawal. Justeru, pendekatan pembangunan lestari bagi setiap perancangan pelancongan adalah amat diperlukan kerana sekiranya sumber-sumber ini dimusnah atau dimansuhkan, maka kawasan pelancongan itu tidak boleh lagi menarik pelancong dan akhirnya pelancongan di kawasan berkenaan akan gagal. Ianya juga penting terutamanya bagi penduduk setempat supaya tidak ‘menderita’ akibat daripada kemusnahan persekitaran dan masalah-masalah lain yang ditimbulkan akibat aktiviti pelancongan yang tidak terkawal. Jika pembangunan pelancongan dilaksanakan berdasarkan konsep dan pendekatan yang lestari, pelancongan boleh membantu memberikan ‘pewajaran’ dan dapat mencadangkan langkah-langkah atau alternatif yang boleh diambil untuk pemuliharaan sumberjaya semulajadi termasuk warisan budaya di kawasan yang dibangunkan. Justeru, kertas konseptual ini akan menyentuh dan membincangkan aspek-aspek yang berkaitan seperti definisi, konsep dan perkembangan pelancongan lestari, pembangunan pelancongan lestari positif, pendekatan konseptual, prinsip pelancongan lestari dan pengurusan pembangunan pelancongan lestari.

HJ WAN ROZALI HJ WAN HUSSIN

“Kualiti Hidup Sosial Dan Proses Perbandaran Di Malaysia”

ABSTRAK

Kualiti hidup sosial dan proses perbandaran merupakan cerminan tamadun manusia dalam pembangunan sesebuah negara. Kedua-duanya mempunyai pertalian yang erat dalam menentukan tahap sosio-ekonomi penduduk setempat walaupun sukar untuk diselarikan. Ini disebabkan proses perbandaran yang sebahagian besarnya berpunca daripada pertambahan bilangan penduduk sering berdepan dengan masalah dan isu kualiti hidup sosial di sesebuah bandar. Pembangunan bandar yang pesat secara langsungnya menuntut perubahan paradigma baru di kalangan penghuninya yang akhirnya menjadi titik penentu terhadap kualiti hidup sosial sesebuah masyarakat bandar. Dengan ini suatu kerangka pembangunan fizikal yang melibatkan proses perbandaran dan spiritual yang melibatkan manusia dan kemanusiaan hendaklah dirancang secara komprehensif. Ini bertujuan untuk memenuhi keperluan kualiti hidup sosial yang mempunyai nilai-nilai ketamadunannya yang tersendiri tanpa menghadapi dilemma dan kekeliruan dalam memahami budaya kehidupan bandar yang selama ini dianggap sebagai pusat segala penyakit sosial.

HAZLEE ADNAN

“Persepsi Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bas Kampus di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA):Kajian Kes di UPSI”

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kualiti perkhidmatan bas kampus di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) : kajian kes di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).Tumpuan kajian meliputi responden tahun satu pengajian (semester satu dan semester dua) yang mendiami kolej kediaman dan menggunakan perkhidmatan bas yang disediakan untuk berulang-alik dari kolej kediaman ke Kampus Sultan Abdul Jalil. Empat buah kolej kediaman yang menjadi tumpuan kajian ialah Kolej Aminuddin Baki (KAB), Kolej Za’ba (KZ), Kolej Ungku Omar (KUO) dan Kolej Harun Aminurrashid (KHAR). Seramai 100 orang responden terlibat dalam kajian ini. Kajian di buat menggunakan instrument soal selidik bagi mendapatkan maklumat dan maklum balas tentang kualiti perkhidmatan bas yang disediakan merangkumi keselamatan, masa, bentuk fizikal, keselesaan, perkhidmatan dan pemanduan. Data kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif khususnya menggunakan analisa deskriptif (kekerapan, peratus, min). Hasil dapatan kajian merumuskan bahawa persepsi pelajar terhadap kualiti perkhidmatan bas kampus di UPSI, khususnya melibatkan pelajar yang tinggal di empat buah kolej kediaman masih berada dalam tahap tidak memuaskan. Kajian mendapati terdapat dua komponen utama yang mencatat nilai min yang menghampiri nilai min skala sangat tidak memuaskan. Komponen tersebut adalah komponen masa (lama menunggu bas ketika cuti hujung minggu, cuti umum dan cuti semester) iaitu 4.22 dan komponen keselamatan (tali pemegang tangan bagi pelajar yang berdiri di dalam bas) iaitu 4.38. Selain itu 38.0 peratus responden yang tinggal di kolej kediaman mengatakan perkhidmatan pengangkutan sangat bermasalah berbanding perkhidmatan lain yang disediakan.Pada akhir bab terdapat beberapa cadangan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bas kampus di UPSI.

YAZID SALEH, ZAHIT MAT SAID & NASIR NAYAN

“Bandar Biodiversiti: Satu Tinjauan di Tanjong Malim”

ABSTRAK

JABIL MAPJABIL

*“Persepsi Pengusaha Hotel Pantai terhadap Pengurusan Zon Pinggir Pantai
Pelancongan di Pulau Pinang”*

ABSTRAK

**JABIL MAPJABIL, CHAN NGAI WEI, NORIZAN MD NOR & SURIATI
GHAZALI**

“Pelancongan Tanah Tinggi di Malaysia: Potensi dan Prospek”

ABSTRAK

Artikel ini meneliti tentang pembangunan pelancongan tanah tinggi di Malaysia. Terdapat tiga pola lokasi pembangunan pelancongan tanah tinggi iaitu di zon utara meliputi Gunung Mat Chincang, Gunung Jerai, Bukit Bendera dan Bukit Larut; zon tengah seperti Tanah Tinggi Cameron, Bukit Fraser dan Tanah Tinggi Genting dan zon Malaysia Timur iaitu Taman Negara Kinabalu dan Taman Negara Mulu. Kepelbagaian biodiversiti serta keunikan pelbagai spesis flora dan fauna menarik pelancong domestik dan antarabangsa berkunjung ke destinasi tanah tinggi negara. Artikel ini akan mengupas lebih khusus kepada potensi pelancongan tanah tinggi sebagai suatu destinasi eko-pelancongan utama di rantau Asia Tenggara dan sekaligus meneliti prospek pembangunannya pada masa hadapan. Usaha pengurusan yang sistematik, bersepadu dan berterusan merupakan aspek utama yang perlu diberikan perhatian bagi mengekalkan nilai keaslian persekitarannya meskipun pada masa yang sama pembangunan fizikal terus dilaksanakan.

JOHAN AFENDI IBRAHIM & MOHAMAD ZAKI AHMAD

“Penubuhan Geotaman Langkawi: Kesan kepada Industri Pelancongan Langkawi ”

ABSTRAK

MUHAMAD ASRI ABDULLAH KAMAR & SITI NORLIZAIHA HARU

“Konsep Keupayaan Tampungan untuk Pemeliharaan Alam Sekitar di Kawasan Pelancongan”

ABSTRAK

Alam sekitar merupakan sumber pelancongan atau lebih tepat jika dikatakan bahawa pengalaman atau keseronokan menikmatinyalah, merupakan produk utama yang boleh ditampilkan dalam industri pelancongan. Bagi memenuhi pengalaman pelancong dikawasan yang bersumberkan alam sekitar, pihak pengusaha pelancong perlu menitikberatkan soal infrastruktur pelancong. Lazimnya, para pelancong menginap atau bermalam di sesebuah destinasi pelancongan bagi menikmati pengalaman melancong yang lebih bermutu berbanding kunjungan harian. Permintaan penginapan yang meningkat di destinasi pelancongan mendorong ramai pengusaha penginapan menyediakan kemudahan tersebut. Namun, tidak semua pengusaha penginapan terutama pengusaha penginapan berskala kecil peka tentang keupayaan tampungan penginapan ekoran ketiadaan ilmu, kepakaran dan pengalaman dalam bidang tersebut. Senario di atas bertambah kritikal jika perancangan dan pembangunan kemudahan penginapan tidak dipantau oleh pihak bertanggungjawab. Akibatnya terdapat kemudahan penginapan disediakan dalam pembangunan yang padat, saiz yang kecil dan menempatkan ramai penginap. Situasi ini mewujudkan konflik di antara pengusaha penginapan yang berorientasikan keuntungan dan pelancong yang inginkan keselesaan menginap. Konflik yang berlarutan dikhuatiri akan menjejaskan mutu pengalaman melancong dan menimbulkan kesan negatif kepada sumberjaya pelancongan. Lama-kelamaan, kunjungan pelancong dan kadar penginapan di sesebuah destinasi pelancongan akan berkurangan dan ini merugikan pengusaha penginapan untuk jangka masa panjang. Disamping itu kemapanan alam sekitar dikawasan tersebut juga akan terjejas. Kertaskerja ini akan membincangkan konsep keupayaan tampungan penginapan, masalah berkaitan keupayaan tampungan penginapan dan langkah-langkah kawalan yang sesuai diambil bagi mewujudkan kemudahan penginapan yang selesa dan memelihara sumberjaya pelancongan.

Kata kunci: Keupayaan tampungan, sumberjaya, pelancongan, mapan

SOLAHUDDIN ISMAIL & MOHD RIZAL SAFAR*“Dunia Musnah akibat Tangan-tangan Manusia : Tinjauan dari Perspektif Islam”***ABSTRAK**

Suasana dunia hari ini kelihatan semakin parah. Telah berlaku pelbagai kerosakan dan pencemaran. Fenomena ini telah menimbulkan keresahan yang amat sangat di kalangan umat manusia. Pelbagai kaedah telah diusahakan oleh para saintis bagi meredakan dan seterusnya memulihara kembali kemusnahan yang telah berlaku. Namun dalam masa yang sama juga bumi terus diteroka secara rakus atas alasan pembangunan dan perkembangan teknologi. Islam secara umumnya tidak menolak pembangunan. Cuma yang ditegah adalah sifat tamak manusia yang nyata boleh memusnahkan bumi serta sistem ekologi di dalamnya. Proses ini sebenarnya telah menafikan hak yang sepatutnya dikecapi oleh generasi manusia pada masa akan datang. Justeru kertas ini bertujuan untuk memperlihatkan 'style' Islam dalam mengurus bumi dan sumber di dalamnya. Ia juga cuba untuk menghurai peranan manusia sebagai pengurus yang diamanahkan untuk mentadbir alam ini agar ia tidak terus musnah pada masa hadapan.

ABD RAHMAN ROSLAN*“Hypermarket Asing ! Pengantarabangsaan Aktiviti Perniagaan Runcit di Malaysia”***ABSTRAK**

Aktiviti perniagaan runcit telah berkembang di Malaysia selaras dengan perkembangan ekonomi negara secara keseluruhannya. Ekonomi yang kukuh dan setabil telah menyebabkan pendapatan penduduk meningkat dan seterusnya meningkatkan kuasa beli pengguna (consumer purchasing power). Keadaan ini, ditambah dengan kemakmuran politik bukan sahaja merancakkan persekitaran perniagaan runcit negara malah telah menarik perhatian peruncit asing untuk membuka cawangan Malaysia. Walaupun kehadiran peruncit asing ke negara kita sebenarnya bukanlah satu yang baru tetapi apabila konsep perniagaan hypermarket di bawa masuk pada awal 1990-an, ianya telah menjadi satu fenomena. Tempiasnya bukan sahaja diterima oleh peruncit sedia ada dan pengguna malah ia telah memberi kesan kepada polisi perancangan kerajaan dan aspek ruangan. Bermula dengan Lembah Klang, hypermarket asing telah membuka cawangan di dua pusat pertumbuhan wilayah utama iaitu Johor Bahru dan Pulau Pinang. Syarikat yang berminat turut bertambah iaitu Makro (Tesco Extra), Carrefour, Giant dan Tesco.

Kata kunci; peruncitan, antarabangsa, hypermarket, Malaysia

**MOHD HAIRY IBRAHIM, MOHMADISA HASHIM, NASIR NAYAN &
MOHAMAD SUHAILY YUSRI CHE NGAH**

“Pembangunan dan Pencemaran Air di Bandaraya Ipoh, Perak : Satu Penelitian Awal”

ABSTRAK

NOORIAH YUSOF

“Gelombang Baru Penyumberan Luar (Outsourcing) dan Potensi Malaysia sebagai Lokasi untuk Industri Penyumberan Luar Pantai (offshoring outsourcing)”

ABSTRAK

Perkembangan ekonomi mutakhir mempamerkan persaingan yang tinggi dan perluasan pemiagaan secara geografi telah menimbulkan banyak peluang penyelidikan terutamanya kepada ahli-ahli Geografi Ekonomi dan Perkhidmatan untuk merungkai fenomena yang baru ini. Penyumberan luar bukanlah merupakan sesuatu yang baru dalam strategi pengurusan perniagaan kerana aktiviti ini telah dilaksanakan oleh firma-firma pembuatan sebelum ini. Namun gelombang baru aktiviti penyumberan luar ini semakin meningkat akibat daripada persaingan sengit yang mendorong meningkatnya minat firma untuk menjadi penyumberan luar ini sebagai model perniagaan yang baru dalam pengurusan operasi mereka di serata dunia. Gelombang baru penyumberan luar melibatkan aktiviti perkhidmatan terutamanya ‘*Business Process Outsourcing*’ (BPO) atau ‘*Business Services Outsourcing*’ (BSO). Amalan ini telah diterima pakai secara meluas di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Asia Pasifik sebagai alat pengurusan yang penting bagi meningkatkan prestasi dan keuntungan serta mengukuhkan kelebihan daya saing dalam pasaran global. Penyumberan luar boleh dilaksanakan sama ada di dalam negara atau mendapatkan perkhidmatan daripada pihak ketiga di luar negara (*offshore*). Perkembangan pesat teknologi komunikasi dan telekomunikasi terutamanya internet serta meningkatnya liberalisasi pasaran ekonomi pada tahun-tahun 1990an dianggap sebagai pencetus utama perkembangan mendadak aktiviti penyumberan luar ini. Faktor tolakan kepada amalan penyumberan luar pantai dikatakan menunjukkan pola yang sama seperti sektor pembuatan yang sebahagian besarnya bersifat ‘*cost-driven*’. Sementara faktor tarikan dan atribut negara yang menjadi pilihan sebagai lokasi untuk penyumberan luar, walau bagaimanapun agak berbeza berbanding faktor tarikan untuk aktiviti pembuatan. Selain daripada kelebihan dari segi kos seperti yang ditawarkan oleh pusat-pusat pembuatan di Asia Timur, penyumberan luar perkhidmatan perniagaan ke lokasi tertentu turut dipengaruhi oleh kelebihan kemahiran Bahasa Inggeris sebagai medium untuk pendidikan, perniagaan dan komunikasi, kemajuan dalam infrastruktur dan infostruktur, kesediaan stok pekerja mahir dan berpengetahuan, struktur regulatori dan persekitaran perniagaan yang kondusif. Dalam kes sektor pembuatan, Malaysia telah berjaya menjadi antara lokasi atau pusat pembuatan yang terkemuka kerana kelebihan lokasi ditawarkan dan pada masa kini Malaysia dalam usaha untuk menarik lebih banyak aktiviti perkhidmatan terutamanya BPO/BSO. Kertas kerja ini cuba untuk membincangkan sejauhmanakah potensi Malaysia dari segi kelebihan daya tarikan lokasi untuk menarik gelombang baru aktiviti penyumberan luar ke negara ini.

MOKHTAR JAAFAR

“Penggunaan Radionuklid dalam Invertigasi Hakisan Tanah Jangka Pendek dan Jangka Panjang”

ABSTRAK

Kertas kerja ini membicarakan dapatan dari investigasi hakisan tanah bagi jangka pendek dan jangka panjang menggunakan radionuklid, berdasarkan kajian kes di sebuah ladang jagung di England. Radionuklid bagi jangka pendek yang digunakan adalah ^7Be manakala ^{137}Cs bagi jangka panjang. Persampelan tanah bagi investigasi hakisan tanah jangka panjang dilakukan di akhir musim gugur 2004 manakala bagi investigasi hakisan tanah jangka pendek dilakukan pada awal musim sejuk 2005. Kajian mendapati kedua-dua proses hakisan dan pemendapan bagi kedua-dua tempoh dapat dikesan di sepanjang transek. Walau bagaimanapun, kadar hakisan jangka pendek adalah lebih dominan dengan *gross erosion rate (GER)* adalah 31.3 t ha^{-1} , *net erosion rate (NER)* adalah 24.2 t ha^{-1} , dan *sediment delivery ratio (SDR)* adalah 77%, berbanding dengan kadar hakisan jangka panjang dengan GER, NER dan SDR adalah $10.4 \text{ t ha}^{-1} \text{ yr}^{-1}$, $3.4 \text{ t ha}^{-1} \text{ yr}^{-1}$, dan 33%. Kedua-dua dapatan ini menunjukkan berlaku mobiliti dan pengangkutan sedimen dari ladang jagung ke jaringan sungai yang berdekatan.

HAMIRDIN ITHNIN & SARIPAH OSMAN

“Determination of Coastal Erosion at Pantai Sabak, Kelantan, Malaysia using GPS”

ABSTRACT

Pantai Sabak is a historical site where the Japanese army first landed during World War II to conquer the eastern Tanah Melayu. The area, with several densely-populated fishermen settlements, is threatened by coastal erosion every year since the early 1990s and a lot of studies had been done on the subject by several researchers. The erosion, which covered one kilometre of the shoreline, has destroyed about 300 fishermen houses. The rate of erosion that is raging the coast is of prime importance due to the fact that a lot planning can be done with the information. This study measured the GPS locations of points along the selected portions of the coast and integrates them with data from topographic maps range of 1958 and 1987 to calculate the erosions. The rate of the erosion was then determined. This study shows the incremental rate of coastal erosion at Pantai Sabak from 1958 to 2007. The embankment in Pantai Sabak was broadening to reduce the incidence of erosion. Despite of having an embankment the erosion still happen. This study also was extended to cover Pantai Cahaya Bulan and Pantai Irama. The study also indulged in time sequence of the erosion rate by using data from topographic maps published as far back in time as available. Thus a more comprehensive picture of the erosion phenomenon of the State of Kelantan can be adduced from this study.

ZAINI SAKAWI

“Sampah! Penjana Pencemaran vs Penjana Ekonomi”

ABSTRAK

Isu sampah atau sisa buangan merupakan isu alam sekitar yang tidak ada kesudahan di permukaan bumi selagi manusia wujud. Interaksi dan salingkaitan antara manusia senantiasanya berterusan, dan *output* terjana khususnya sampah akan terus menerus menghuni persekitaran. Masalah penjana dan pengurusan sampah semakin kronik bukan saja di peringkat tempatan dan kebangsaan, tetapi merupakan isu global yang tidak berkesudahan. Persoalannya, sejauhmana sampah merupakan penjana pencemaran? Mengapakah sampah dianggap sebagai bahan buangan yang tidak berguna dan mencemar nilai estetika? Apakah tidak ada nilai ekonomi bagi bahan yang dianggap sampah? Sehubungan dengan itu, kertas seminar ini cuba mewarwarkan nilai yang ada pada sampah. Dimanakah wujudnya nilai pencemaran dan nilai ekonomi pada sampah. Sejujukan mana sampah boleh memberi keselesaan hidup kepada individu dan merupakan bahan yang amat diperlukan.

Katakunci: Sisa Buangan Pepejal, Penjana Sisa Buangan, Penjana Pencemaran, Penjana Ekonomi.

MAIN RINDAM & NORESAH MOHD SHARIFF

“Cabaran dan Peluang dalam Pendidikan Jarak Jauh bagi memperkasakan Bidang Geografi”

ABSTRAK

Kertas kerja ini adalah hasil pengalaman mengendalikan kursus-kursus geografi di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, khususnya daripada aspek pedagogikal dan juga latihan kepada klien. Beberapa kursus dalam bidang geografi dikesan mempunyai potensi pasaran yang positif seperti keperluan bidang pendidikan sains seperti GIS, remote sensing, global positioning system (GPS), geografi fizikal, hidrologi, kaedah penyelidikan dan kajian luar serta kajian sains penilaian alam sekitar. Berdasarkan banyak bencana alam yang berlaku di negara kita sejak kebelakangan ini seperti aktiviti gempa bumi, tsunami, gelombang banjir dan Al-Nino maka keperluan pengetahuan geografi semakin meningkat. Oleh itu pendekatan pendidikan secara jarak jauh boleh menjadi media yang berpotensi besar dalam menyampaikan kandungan sukatan kursus tersebut walaupun terdapat banyak cabaran menanti. Cabaran paling ketara ialah tentang bagaimana membangunkan aspek pedagogi pendidikan secara jarak jauh agar sesuai dan mudah untuk berinteraksi dengan teknologi, keberkesanan penggunaan perpustakaan digital, penggunaan teknologi terkini dalam pendidikan jarak jauh (laman web) serta bajet untuk mengendalikannya supaya pengajaran dan pembelajaran secara jarak jauh berjalan secara efektif. Penekanan kertas kerja ini ialah tentang bagaimana pendidikan jarak jauh mampu menyumbang kepada memperkasakan geografi di Malaysia dan di peringkat global.

**SEOW TA WEE, JAMALUDDIN MD JAHI, INDERA SYAHRUL MAT
RADZUAN**

*“Tingkah Laku Masyarakat terhadap Program Kitar Semula: Kejian Kes di Daerah
Batu Pahat”*

AZMI AHMAD BAHAROM, NASIR NAYAN & YAZID SALEH

“Landscape Evaluation in Malaysia: A Geographic Perspective”

ABSTRAK

RANIMAH YAHAYA & NORAZIAH ALI

“Pola dan Isu Buruh Kanak-Kanak dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Melaka Tengah”

ABSTRAK

NORIMAH RAMBELI@RAMLI & FAUZIAH CHE LEH

“The Dynamic Process in Economics and Population Principle: An Analysis of Migration Transition of Proton City, Perak”

ABSTRACT

This paper trying to identify the significant factor that influences people to migrant into Proton City that situated at Tanjong Malim, Perak. Proton City is a project which is being rejuvenated by Proton City Development Corporation (PCDC) in Tanjong Malim, Perak and also a second factory of national car maker that known as Proton. The facility is expected to make 1 million cars per annum by 2014. With the systematic system, Proton City has interacted people to migrant into the city. More jobs, better roads and more revenue for the authorities are among some of benefits at Proton City. At the end of this research, these studies aim to identify every main factor that influence people to move into Tanjong Malim and the consequence of that activity to the environment and social cost of living.

{24}

USMAN HJ YAAKOB & TARMJI MASRON “*Isu-isu Kependudukan dan Migrasi di Malaysia*”

ABSTRAK

Kertas kerja ini akan membincangkan isu-isu penting yang berkaitan dengan perkembangan dan pertumbuhan penduduk di Malaysia sejak tahun 1950an hingga sekarang. Di antara isu-isu penting adalah yang berkaitan dengan perubahan struktur umur, pertumbuhan penduduk, kesuburan, kematian dan migrasi yang berlaku sepanjang tempoh tersebut. Menyedari perkembangan kependudukan yang semakin pesat sekarang ini kertas kerja ini juga akan memberi fokus kepada isu-isu penduduk yang dijangka akan berlaku di masa akan datang terutamanya isu-isu baru yang akan timbul akibat daripada perubahan demografi dan pasaran buruh Asia serta kebanjiran pekerja asing di Malaysia. Akhirnya kertas kerja ini akan mengusulkan beberapa langkah yang proaktif bagi menangani isu-isu kependudukan dan migrasi yang semakin penting dalam konteks perkembangan sosio-ekonomi dan politik Malaysia dalam rantau ASEAN dan global.

{25}

TARMJI MASRON, NARIMAH SAMAT & NAZARUDDIN ZAINUN
“*Integrasi GIS dan Analisis Patch dalam Kajian Perubahan Sempadan: Kajian Kes Perubahan Sempadan Bahagian di Sarawak sebelum 1973 hingga 2002*”

ABSTRAK

Dalam tempoh 161 tahun, iaitu bermula tahun 1841 sehingga 2002 negeri Sarawak telah mengalami beberapa kali perubahan sempadan negeri, bahagian dan daerah. Kertas kerja akan menganalisis seterusnya membincangkan perubahan sempadan bahagian yang telah berlaku sebelum tahun 1973 sehingga tahun 2002. Antara perkara yang cuba dilihat dalam analisis perubahan sempadan ini ialah aspek morfologi. Kajian ini melibatkan penggunaan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS). GIS akan digunakan bagi kerja-kerja membangunkan peta digital perubahan sempadan dan unit pentadbiran, membangunkan pangkalan data dan seterusnya memodelkan corak perubahan sempadan di kawasan kajian. Dalam kajian ini juga, indeks bentuk (Shape Index – SI) dan dimensi fractal (Fractal Dimension – FD) akan digunakan dalam menilai corak perubahan sempadan. Pengiraan matrik lanskap ini akan menggunakan perisian *Patch Analyst*

Kata kunci : Perubahan Sempadan, Sistem Maklumat Geografi dan Analisis Patch

{26}

NASIR NAYAN
“*Pengedaran Maklumat Geografi Secara Atas Talian: Kajian Kes Kampus Universiti Pendidikan Sultan Idris*”

ABSTRAK

NOR-INA KANYO & NORIZAN HJ MD NOR

“Jenayah dan Perbandaran: Satu Kajian Kes di Daerah Timur Laut Pulau Pinang”

ABSTRAK

Pelakuan jenayah di kebanyakan bandar-bandar di dunia mengalami peningkatan selari dengan kepesatan pertumbuhan bandar. Permasalahan ini semakin meningkat dan dibimbangi memberi kesan negatif kepada kualiti hidup penduduk bandar dan pembangunan negara kelak jika tidak diatasi kini. Banyak faktor menyumbang kepada berlakunya perkara ini dan ianya semakin rumit dengan meningkatnya golongan penagih dadah, kurangnya kesedaran masyarakat mengenai jenayah, masalah kemiskinan penduduk dan kurang berkesannya langkah penguatkuasaan oleh pihak berkuasa. Kertas kerja ini akan membincangkan isu jenayah dan perbandaran secara terperinci dalam konteks trend dan persepsi penduduk bandar ke atas pelakuan jenayah dan kaitannya dengan kepesatan perbandaran. Bagi memudahkan perbincangan, satu kajian kes di Daerah Timur Laut, negeri Pulau pinang akan diketengahkan. Seperkara yang perlu diberi perhatian dari kajian ini ialah kepentingan dan keupayaan bidang geografi dalam mengupas permasalahan jenayah bandar seterusnya mengenalpasti punca pelakuan jenayah sebagai usaha ke arah pengurusan masalah jenayah yang lebih berkesan dan proaktif di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

MAZDI MARZUKI

“

”

ABSTRAK

{29}

HALIZA ABDUL RAHMAN

“Suatu Tinjauan terhadap Permasalahan Banjir Kilat di Lembah Klang.”

ABSTRAK

ZAINI SAKAWI & AHMAD JAMALUDDIN MAT AKHIR{30}

ABSTRAK

Impak limpahan pembangunan Bandar metropolitan ke atas persekitaran fizikal khususnya kualiti udara dan bunyi bising ketara dikesan di beberapa stesen utama bagi kedua-dua parameter alam sekitar yang dipilih. Perubahan laluan pengangkutan dan pembesaran jalan utama serta kepesatan pembangunan perubahan dan pembukaan Bandar baru jelas memberi impak ke atas kualiti alam sekitar. Gangguan yang terjana bukan sahaja melibatkan kualiti udara dan bunyi bising yang meningkat, tetapi keselesaan dan kesejahteraan penduduk semakin dirasai. Sehubungan dengan itu, kertas seminar ini akan melihat perubahan kualiti udara dan bunyi bising yang dikesan di beberapa kawasan kajian ini impak daripada kepesatan pembangunan wilayah Bandar metropolitan yang impaknya amat terkesan di pinggiran Bandar.

KATA KUNCI: *Pinggiran Bandar Metropolitan, Perubahan persekitaran, Kualiti udara, bunyi bising, Pengurusan alam sekitar.*

{31 }

SHAHARUDDIN AHMAD, NOORAZUAN MD HASHIM & YAAKOB MD JANI

“Kestabilan Iklim Mikro menerusi Aplikasi Bumbung Hijau: Penelitian di Plot Eksperimental Bangi”

ABSTRAK

Kawasan bandar biasanya didominasi oleh kawasan yang berturap seperti lapisan asphalt serta tar. Kawasan tepubina seperti bangunan mempunyai lapisan konkrit yang mempunyai kapasiti menyerap haba dan menghasilkan tompok panas yang membawa ketidakselesaan terma kepada penghuni serta penambahan tenaga untuk penyejukan dalam bangunan. Melalui satu tema penyelidikan mengenai bumbung hijau atau *ecorooft*, pihak kami telah mengusahakan satu tapak eksperimental di Kampus Bangi bagi mengenalpasti keupayaan bumbung hijau dalam memberikan perkhidmatan ekosistem seperti penyederhanaan suhu, pengurangan puncak luahan serta keupayaan menambahkan kualiti landsap sekitar. Kajian awal mendapati takat ambang jumlah hujan sebanyak 9.8 mm berupaya dipintas oleh bumbung hijau dari membentuk komponen larian permukaan. Hasil awal juga mendapati pengurangan suhu boleh mencecah sehingga 3.5 darjah Celcius, terutamanya semasa tempoh bahangan maksimum. Penggunaan peralatan Infrared Thermometer juga membuktikan suhu permukaan antara kedua-dua lapisan (konkrit dan bumbung hijau) mempunyai darjah keterbezaan yang sangat ketara. Kertaskerja ini akan membincangkan keupayaan bumbung hijau sebagai alternatif penyelesaian isu air ribut bandar (urban stormwater) serta keselesaan terma akibat daripada penggunaan permukaan litupan yang tidak mesra alam. Melalui aplikasi imej satelit resolusi tinggi Quickbird bagi kampus Bangi, pemilihan kawasan tepubina khususnya bumbung konkrit yang berpotensi akan dipilih bagi mencadangkan pengantian

kepada struktur bumbung hijau yang lebih mesra alam.

ABDUL MUNIR HAFIZY LADONI & MUSTAPA ABD TALIP

“The Sources of Pollution in the Likas and Inanam River Basin, Kota Kinabalu, Sabah”

Abstract

The rapid changes in the Kota Kinabalu City are given an impact and pressure to the environment especially in the Inanam River Basin. In this study Remote Sensing and Geographic Information System were used to identify the land use and its relation to water quality in the watershed. Conventional methods for the management of the watershed both in situ and in the laboratory are expensive in relation to remotely sensed data and application of Geographic Information System data, in both time and cost. Satellite remote sensing has the capability of providing repetitive, low-cost and global coverage over wide area. By developing remotely sensed data as a resource of synoptic data there is a large potential of information available to monitor certain water parameter on a regular basis and eventually this data will produce the output through the unsupervised classification and supervised classification to detect and monitor the land use classification and sources of pollution in the study area

.{33}

MOHD IKHWAN HJ TORIMAN

“Pemodelan 1-Dimensi ruang masa bagi Sungai Pelus menggunakan perisian XP-SWMM”

ABSTRAK

Keupayaan sungai menyesuaikan proses dan tindakbalas adalah berbeza mengikut ruang dan masa. Penyesuaian proses hidrologi sungai lazimnya berpunca daripada hujan ekstrem ataupun aktiviti pembangunan manusia. Kertas ini membincangkan permodelan terbuka Sungai Pelus di Perak menggunakan perisian 1 -dimensi InfoWork RS kesan daripada cadangan pembinaan hidroelektrik mini di bahagian pertemuan Sungai Pelus-Yum. Luahan sungai dianggarkan menggunakan kaedah rasional manakala data ukur sungai diperolehi melalui kerja ukur yang dijalankan pada Februari-Julai 2006. Hasil kajian mendapati nilai luahan rendah berdasarkan rumus $7Q_{10}$ adalah di sekitar $2.76 \text{ m}^3/\text{s}$ manakala simulasi InfoWork RS ialah $2.154 \text{ m}^3/\text{s}$. Nilai ini digunakan bagi penentuan jumlah air yang perlu dialihkan bagi penjanaan 140 MW hidroelektrik bagi kawasan berkenaan. Keupayaan InfoWork RS bagi permodelan 1 -dimensi juga digunakan bagi menganggarkan paras air minimum bagi enam kilometer aliran Sungai Pelus yang dirancang untuk kerja pengaliran luahan. Hasil simulasi menunjukkan paras air yang berbeza diantara 12.5 sehingga 30 cm selepas pengalihan dilaksanakan. Maklumat ini kemudiannya akan diaplikasikan di dalam model “Environmental Flow” bagi menentukan kualiti dan kuantiti air pada musim kering dan hujan.

.

ABSTRAK

Aleisanthia merupakan genera dalam keluarga Rubiaceae, yang mengandungi dua spesies sahaja iaitu *A. rupestris* dan *A. sylvestris*. Kedua-duanya merupakan tumbuhan yang endemik kepada Semenanjung Malaysia. *A. sylvestris* direkodkan tumbuh di Hulu Kelantan, manakala *A. rupestris* adalah lebih terbatas dan taburan yang amat kecil iaitu hanya di Permatang Kuarza Klang Gates sahaja (disahkan melalui kajian literatur dan spesimen herbarium). Permatang Kuarza Klang Gates mengandungi 5 tumbuhan yang endemik, tetapi hanya populasi *A. rupestris* sahaja yang berdaya hidup, bagaimanapun populasinya juga diancam persaingan dengan tumbuhan lain terutamanya daripada spesies-spesies perintis. *A. rupestris* didapati tumbuh di celah-celah batuan dan rekahan-rekahan batuan kuarza. Ia dapat tahan kepada keadaan yang ekstrem iaitu bersuhu tinggi dan nutrien yang rendah (kuarza). Walaupun Permatang Kuarza Klang Gates diistiharkan sebagai Rizab Perlindungan Hidupan Liar yang seluas 130 hektar pada tahun 1936 dan merupakan sebahagian dari kawasan yang diwartakan sebagai Taman Warisan Selangor, tetapi ia telah mengalami siri gangguan seperti kebakaran hutan, aktiviti agronomi dan rekreasi. *A. rupestris* dilihat boleh menjadi spesies indikator yang utama kepada tahap ekologi Permatang Kuarza Klang Gates.

{35}

HALIZA ABDUL RAHMAN

“Suatu Tinjauan terhadap Isu da Pencemaran Sungai di Malaysia”

ABSTRAK

Sungai adalah elemen alam sekitar yang penting kepada manusia. Sejak dahulu lagi, manusia mempunyai hubungan yang rapat dengan sungai kerana sungai berfungsi sebagai alat pengangkutan dan perhubungan, sumber bekalan air untuk domestik dan pertanian selain membekalkan sumber protein kepada manusia. Dengan berkembangnya bandar dan kegiatan perindustrian serta perdagangan, kualiti sungai mula mengalami kemerosotan apabila berlakunya masalah hakisan, pemendapan dan pencemaran. Senario semasa di Malaysia menunjukkan, bilangan sungai yang berada dalam kategori Kelas 1 dan Kelas 2 semakin berkurangan tetapi yang dikategorikan dalam Kelas 4 dan Kelas 5 semakin meningkat. Perkembangan ini memang dijangka selaras dengan pembangunan pesat yang dialami oleh negara selain mentaliti masyarakat yang masih rendah dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar. Punca pencemaran dan kerosakan sungai boleh disimpulkan kepada faktor budaya campak buang yang berkait rapat dengan sikap masyarakat umum sama ada pengilang, penternak dan penduduk setempat yang tidak menghargai sungai sebagai sumber. Penyerahan tanggung jawab penjagaan sungai kepada kerajaan juga menerangkan betapa rendahnya tahap penglibatan masyarakat dalam usaha pemeliharaan sungai. Sikap dan paradigama masyarakat harus diubah terlebih dahulu, dengan ini barulah segala langkah saintifik dan pengurusan kawalan terhadap pencemaran sungai memberi makna dan berjaya dilaksanakan kerana sebahagian besar masyarakat telah memahami dan berupaya menilai kualiti sungai.

SEOW TA WEE & ABDUL HALIM MOHAMAD

“Pengurusan Sisa Pembinaan di Tapak Bina”

ABSTRAK

Pengurusan sisa pembinaan yang tidak bersistematik boleh mendatangkan masalah kepada persekitaran, kesihatan dan keselamatan pekerja-pekerja binaan. Kajian ini terdiri daripada dua objektif utama, iaitu yang pertama adalah mengkaji pengurusan sisa pembinaan yang sedia ada di tapak bina dan objektif kedua ialah mengkaji elemen (faktor) yang mendorong kepada kejayaan sesuatu sistem pengurusan sisa pembinaan. Metodologi yang digunakan adalah merupakan temuramah dan soal selidik. Kawasan kajian ini dijalankan adalah di sekitar Batu Pahat. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat satu sistem pengurusan sisa pembinaan yang bersistematik diketengah oleh pihak berkuasa tempatan. Akan tetapi sistem tersebut tidak dilaksanakan oleh pihak kontraktor atas alasan tertentu. Elemen bersepadu dalam pengurusan sisa pembinaan merupakan elemen paling dominan mempengaruhi pengurusan sisa binaan. Ini diikuti oleh elemen polisi, kos, *stakeholder* dan undang-undang. Satu mekanisme pengurusan yang menyeluruh perlu dilaksanakan oleh pihak kontraktor di tapak bina supaya pengurusan sisa binaan yang bersistematik dapat dilaksanakan.

MOHMADISA HASHIM & WAN RUSLAN ISMAIL

“Bekalan Sedimen Kawasan Tadahan dan Implikasi terhadap Perubahan Garis Pantai negeri Perak: Satu Tinjauan Awal”

ABSTRAK

Kajian ini cuba untuk menunjukkan bekalan sedimen dari kawasan tadahan Sungai Perak akan mempengaruhi perubahan garis pantai khususnya di muara sungai tersebut dan kawasan pantai berhampiran. Untuk itu, tinjauan awal ini hanya mengenalpasti perubahan garis pantai yang wujud di kawasan berkenaan. Peta topografi bagi muara Sungai Perak telah digunakan dan merupakan asas dalam kajian ini. Peta-peta topografi yang diterbitkan pada tahun 1945, 1970 dan 1996 akan dianalisis. Peta bagi tahun 1945 diperolehi daripada Arkib Negara, Kuala Lumpur dan peta tahun 1970 dan 1996 diperolehi dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Kuala Lumpur. Kajian menunjukkan telah berlaku perubahan terhadap garis pantai dan muara sungai tersebut sepanjang 51 tahun.

HASLINA CHE HUSSIN, MOHMADISA HASHIM & WAN RUSLAN ISMAIL, MOHAMAD SUHAILY YUSRI CHE NGAH, MOHD HAIRY IBRAHIM & NASIR NAYAN

“Pencemaran Marin di Pantai Timur Semenanjung Malaysia: Persepsi Pengunjung di Kawasan Pelancongan Pantai Cahaya Bulan, Batu Buruk dan Teluk Chempedak”

ABSTRAK

Umumnya kajian ini mengkaji masalah pencemaran marin yang berlaku di pantai timur Semenanjung Malaysia. Kawasan kajian meliputi tiga buah pantai peranginan utama iaitu Pantai Cahaya Bulan (Kelantan), Pantai Batu Buruk (Terengganu) dan Pantai Teluk Chempedak (Pahang). Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti punca-punca pencemaran marin yang berlaku di kawasan kajian, menilai dan membandingkan tahap pencemaran marin di antara ketiga-tiga kawasan kajian serta meninjau langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa tempatan khususnya dalam menangani masalah ini. Untuk itu, kajian ini akan mendapatkan persepsi pengunjung mengenai masalah pencemaran marin di kawasan kajian dengan mengedarkan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumbalas bagi masalah yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan telah berlakunya pencemaran marin di ketiga-tiga kawasan kajian tetapi masih lagi di tahap yang sederhana dan terkawal. Walau bagaimanapun, di antara ketiga-tiga kawasan tersebut, Pantai Cahaya Bulan dianggap telah tercemar. Punca utama yang menyebabkan berlakunya pencemaran di kawasan kajian adalah dari aktiviti manusia terutama sekali aktiviti pembangunan yang dilakukan di kawasan tersebut. Pelbagai langkah telah diambil oleh pihak berkuasa tempatan khususnya dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat bagi mengurangkan masalah pencemaran iaitu kempen kesedaran alam sekitar. Tegasnya kerjasama daripada semua pihak adalah perlu bagi mengatasi masalah ini.

SEOW TA WEE & MUHAMMAD HARITH OTHMAN

“Pengurusan Kitar Semula dan Guna Semula Sisa Bahan Binaan di Firma Pembinaan”

ABSTRAK

Pengurusan kitar semula dan guna semula sisa binaan yang tidak diaplikasikan secara sistematik di dalam industri pembinaan dapat mewujudkan masalah terhadap firma pembinaan dan alam sekitar. Antara masalah yang wujud adalah seperti masalah kos kewangan, pembaziran sumber dan juga isu berkaitan pencemaran alam sekitar. Kertas ini terdiri dari dua objektif iaitu pertama, mengkaji pengurusan kitar semula dan guna semula sisa bahan binaan di firma-firma pembinaan yang dipilih. Kedua, mengkaji faktor dan elemen yang akan menjayakan pengurusan kitar semula dan guna semula sisa bahan binaan oleh firma pembinaan. Metodologi kajian adalah dengan menjalankan kaedah kajian perpustakaan, kaedah pemerhatian, kaedah temuramah, kaedah soal selidik, dan kaedah analisis. Pihak responden yang terlibat pula terdiri daripada pihak berkuasa tempatan (PBT), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dan pihak kontraktor. Hasil kajian mendapati bahawa dalam industri pembinaan konsep kitar semula dan guna semula kurang dipraktikkan dalam industri pembinaan. Faktor kemudahan teknologi, mewujudkan organisasi atau badan khusus, kesedaran, polisi atau undang-undang dan faktor perancangan dan pengurusan merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan seseuatu program kitar semula dalam industri pembinaan. Kerjasama antara semua pihak amat diperlukan bagi menjayakan pengurusan kitar semula dan guna semula sisa bahan binaan. Akhirnya, kajian ini mendapati bahawa amalan pelaksanaan kitar semula dan guna semula sisa bahan binaan oleh firma pembinaan adalah sesuatu yang penting dan berguna

dalam sektor pembinaan kerana ia mampu mewujudkan sebuah pembangunan yang berterusan dalam membentuk keseimbangan di antara pembangunan dan alam sekitar.

{40}

AMER SAIFUDE GHAZALI

“Kelakuan Pilihanraya di Pulau Pinang 1959-2004: Suatu Penelitian Awal”

ABSTRAK

Pulau Pinang adalah antara negeri di Malaysia yang pernah ditadbir oleh parti pembangkang selain Kelantan, Terengganu dan Sabah. Parti Gerakan yang memenangi pilihanraya umum 1969 (yang pada masa itu sebagai parti pembangkang) telah berjaya membentuk kerajaan negeri Pulau Pinang. Walaubagaimanapun, dalam pilihanraya umum 1974, Gerakan telah menjadi sebahagian daripada komponen Barisan Nasional (BN) dan terus menjadi tunjang utama kerajaan negeri Pulau Pinang sehingga sekarang. Komponen penduduk yang agak menarik juga menyumbangkan kepada keunikan kelakuan pilihanraya di Pulau Pinang. Kaum Cina merupakan kelompok yang terbesar dengan 46.34% daripada keseluruhan penduduk, diikuti dengan orang Melayu 42.70%, dan India 10.52%. Orang Cina masih lagi merupakan kelompok yang teramai tinggal di kawasan pulau dengan 56.06%, diikuti orang Melayu 34.30%. Walaubagaimanapun, di kawasan tanah besar, orang Melayu adalah kelompok teramai dengan 50.03% dan orang Cina merangkumi 37.85% daripada keseluruhan penduduk di tanah besar. Komposisi berlainan di kedua kawasan menghasilkan suatu corak kelakuan pegundian yang berbeza dalam sebuah negeri. Kertas ini akan menghuraikan kelakuan pilihanraya di negeri ini berdasarkan latar sosial yang berbeza dalam sebuah negeri.

{41}

NORDIN SAKKE & ALI AKBAR GULASAN

“Penuaian Hujan: Konsep dan Aplikasinya di Petempatan Pesisir Pantai Tinagat, Tawau, Sabah”

ABSTRAK

Penuaian hujan merupakan kaedah yang cukup penting di kawasan petempatan pedalaman Sabah. Ini kerana, kebanyakan kawasan pedalaman ini masih lagi tidak mempunyai system bekalan air paip. Lantaran itu air hujan merupakan sumber utama bagi penduduk untuk mendapatkan bekalan air bersih di samping air perigi. Kajian ini cuba melihat kaedah penuaian hujan yang dilakukan di kawasan petempatan pesisir pantai Tinagat Tawau, Sabah dan bagaimana mereka mengurus sumber air bagi menanti hujan seterusnya. Oleh itu sebanyak kaedah boring soal selidik digunakan ke atas 100 responden bagi melihat persoalan yang dikaji.

ALI AKBAR GULASAN & NORDIN SAKKE*“Kualiti Hidup Penduduk Setinggalan: Kajian di Sekitar Kota Kinabalu, Sabah”***ABSTRAK**

Penempatan semula telah menjadi salah satu strategi penting bagi mengatasi masalah setinggalan khususnya di bandar-bandar. Penduduk akan disediakan tempat tinggal baru di satu kawasan yang lebih terancang dan sistematik, disertakan pula dengan kemudahan infrastruktur yang lebih baik. Pun begitu, satu persoalan yang perlu dikaji ialah berkaitan kualiti hidup penduduk yang dipindahkan tersebut. Secara mudahnya, kajian ini cuba untuk melihat beberapa item kualiti hidup yang boleh dibandingkan sebelum dan selepas penduduk dipindahkan ke kawasan penempatan semula. Sampel kajian dikhususkan kepada ketua isirumah sahaja. Dapatan kajian menunjukkan dalam konteks kawasan penempatan semula di sekitar Kota Kinabalu, beberapa aspek sosio-ekonomi dilihat jelas menunjukkan peningkatan. Antaranya aspek pendapatan bulanan isirumah, persekitaran kediaman, peralatan dan kelengkapan rumah dan pengangkutan dan komunikasi. Beberapa penambahbaikan boleh dilakukan oleh pihak berkuasa khususnya terhadap saiz rumah dan jumlah bilik. Disamping itu program kesedaran sivik hendaklah diaktifkan bagi menambah kesedaran penduduk terhadap kepentingan kebersihan dan alam sekitar.

RAMZAH DAMBUL*“The Creation of Specific Monsoon Indices for Borneo: RD1 and RD2”***ABSTRAK**

Two main synoptic forces that govern the Southeast Asia region are the Asian Monsoon and ENSO. Many studies have been established to formulate indices for these two large-scale circulations. Such indices will enable researchers to investigate empirical relationships between the synoptic circulations and the local climate of a particular region. However, all the monsoon indices that have been created previously are based on the geographical features of the south and east Asian regions. In order to deeply understand the local climate of Borneo – it is important to create specific indices that reflect the actual physical attributes of the region. RD1 and RD2 indices are aimed to achieve such deep understanding.